



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN JAWATANKUASA SEKATAN KEWANGAN
BERSASAR BAGI PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN (*TARGETED FINANCIAL SANCTIONS ON
TERRORISM FINANCING, TFS-TF*)**

**DI BAWAH BAHAGIAN VIA
AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL
DARIPADA AKTIVITI HARAM (AMLATFPUAA) 2001
[AKTA 613]**

TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan sebagai satu rujukan asas bagi melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Sekatan Kewangan Bersasar Bagi Pencegahan Pembiayaan Keganasan (*Targeted Financial Sanctions On Terrorism Financing*) [JK TFS-TF]. Ahli-ahli JK TFS-TF akan membincangkan syor yang dicadangkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap sesuatu entiti berdasarkan peruntukan perundangan di bawah Bahagian VIA, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 [Akta 613] sebelum syor berkenaan dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri melalui Pengurusan Tertinggi Kementerian untuk pertimbangan dan kelulusan.

Disediakan oleh:

Unit Pencegahan Jenayah & Keganasan
Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam
Kementerian Dalam Negeri

Disember 2023

LATAR BELAKANG

2. Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam secara umumnya berperanan dalam memelihara, mengekalkan serta meningkatkan keselamatan dalam negeri dan keselamatan sempadan di samping meningkatkan keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan. Peranan ini direalisasikan melalui pelaksanaan undang-undang pencegahan dan penguatkuasaan.

3. Pelaksanaan sekatan kewangan bersasar bagi pencegahan pembiayaan keganasan (*Targeted Financial Sanctions on Terrorism Financing*, TFS-TF) merupakan langkah yang diamalkan di peringkat antarabangsa yang bertujuan untuk menyekat penyaluran dana kepada pengganas dan seterusnya merencatkan kegiatan keganasan.

4. Punca kuasa bagi pelaksanaan TFS-TF oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah berdasarkan kepada Bahagian VIA, AMLATFPUAA 2001.

5. Di bawah seksyen 66B (1) AMLATFPUAA 2001, Menteri Dalam Negeri (MDN), berdasarkan maklumat yang diberikan oleh seseorang anggota polis, boleh mengisytiharkan sesuatu entiti itu sebagai Entiti Ditentukan. Entiti yang ditentukan ini adalah tertakluk kepada perintah pembekuan aset. Di bawah seksyen 66B (9) AMLATFPUAA 2001 pula, individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang telah disenaraikan sebagai Entiti Ditentukan boleh dikeluarkan dari senarai sekiranya tidak lagi mendatangkan ancaman dari segi keselamatan. Manakala seksyen 66B (10) AMLATFPUAA 2001 memberikan punca kuasa kepada MDN untuk membenarkan akses kepada dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan.

6. Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu garis panduan sebagai rujukan ahli-ahli JK TFS-TF dalam menentukan syor-syor yang bersesuaian sebelum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan Menteri Dalam Negeri.

OBJEKTIF PENUBUHAN JAWATANKUASA SEKATAN KEWANGAN BERSASAR BAGI PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (JK TFS-TF)

7. Objektif penubuhan JK TFS-TF adalah seperti yang berikut:
 - 7.1 Melaksanakan elemen semak dan imbang (*check and balance*);
 - 7.2 Memastikan integriti ahli-ahli terpelihara agar syor yang dibuat tidak dipengaruhi oleh elemen luaran ataupun yang melibatkan kepentingan peribadi; dan
 - 7.3 Menentukan syor-syor kepada Menteri Dalam Negeri melalui Pengurusan Tertinggi Kementerian secara adil, telus dan tanpa prejudis.

FUNGSI PENUBUHAN JAWATANKUASA SEKATAN KEWANGAN BERSASAR BAGI PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (JK TFS-TF)

8. JK TFS-TF hendaklah menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:-
 - 8.1 Membuat penilaian ke atas syor yang dikemukakan oleh PDRM berhubung tindakan yang boleh dilaksanakan berdasarkan peruntukan perundangan di bawah Bahagian VIA, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 [Akta 613] ;
 - 8.2 Sebagai penasihat (*advisor*) kepada keputusan eksekutif Menteri Dalam Negeri; dan
 - 8.3 Sebagai suatu medium penyampaian maklumat berkaitan syor JK TFS-TF yang bersesuaian kepada Pengurusan Tertinggi sebelum diangkat untuk pertimbangan serta keputusan Menteri.

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA SEKATAN KEWANGAN BERSASAR BAGI PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (JK TFS-TF)

9. Ahli-ahli JK TFS-TF terdiri daripada pegawai-pegawai bertanggungjawab (*desk officers*), wakil daripada Jabatan/Agensi berkaitan dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam atau Timbalan Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam.

10. JK TFS-TF ini dianggotai oleh ahli tetap bersandarkan kepada peranan masing-masing dalam pencegahan pembiayaan keganasan seperti berikut:

- Pengerusi : Setiausaha Bahagian (Keselamatan dan Ketenteraman Awam); atau dengan ketiadaannya;
- : Timbalan Setiausaha Bahagian (Keselamatan dan Ketenteraman Awam); atau dengan ketiadaannya;
- : Pegawai lain mengikut kekenanan pada ketika itu.
- Ahli- ahli : Kementerian Luar Negeri (KLN);
- : Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), KDN;
- : Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- : Bank Negara Malaysia (BNM);
- : Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (RD, JPM); dan
- : Wakil Jabatan/Agensi yang bersesuaian.
- Urus setia : Unit Pencegahan Jenayah dan Keganasan, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

11. Urus setia JK TFS-TF hendaklah:
 - 11.1 Sebaiknya mengemukakan jemputan mesyuarat kepada semua ahli sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat;
 - 11.2 Memastikan dokumen yang diperlukan untuk pembentangan dan keperluan logistik lain disediakan dengan baik dan teratur bagi memastikan mesyuarat berjalan dengan lancar; dan
 - 11.3 Menyediakan minit mesyuarat dan pelaporan mesyuarat dalam tempoh yang munasabah.
12. Polis Diraja Malaysia (PDRM) hendaklah membentangkan syor dan justifikasi bagi setiap individu dan kumpulan yang dicadangkan.
13. Ahli lain secara aktif dalam memberikan pandangan, idea dan maklum balas bagi syor yang dibentangkan oleh PDRM dalam mesyuarat JK TFS-TF.
14. Pengerusi JK TFS-TF bertanggungjawab untuk:
 - 14.1 Menilai syor yang dikemukakan oleh pegawai PDRM dan mengambil kira semua pandangan ahli lain; dan
 - 14.2 Menentukan syor yang sewajarnya sebelum dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri untuk diputuskan.
15. Pengerusi dan ahli-ahli boleh merujuk dokumen berkaitan melaksanakan Bahagian VIA, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B** dalam membuat syor.
16. Pengerusi juga mempunyai kuasa dalam menentukan keperluan bagi menjemput wakil Jabatan/Agensi yang berkaitan berdasarkan agenda mesyuarat JK TFS-TF.
17. Walau bagaimanapun, syor dan keputusan JK TFS-TF **tidak dalam mana-mana keadaan pun** mengikat Menteri Dalam Negeri dalam membuat keputusan yang dirasakan wajar serta adil pada ketika itu seperti mana yang

dibenarkan oleh undang-undang.

KEKERAPAN MESYUARAT

18. JK TFS-TF ini perlu bersidang sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam setiap enam (6) bulan berdasarkan seksyen 66B (9), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

19. Walau bagaimanapun, PDRM boleh membuat pemakluman keperluan untuk JK TFS-TF bersidang dan melakukan pembentangan syor dan justifikasi bagi setiap individu dan kumpulan yang dicadangkan dari semasa ke semasa dalam tempoh masa yang wajar mengikut keperluan dan kesegeraan pengemukaan syor tersebut untuk perhatian dan penilaian JK TFS-TF.

20. Justeru, mesyuarat JK TFS-TF boleh bersidang dari semasa ke semasa dalam tempoh masa yang wajar selepas menerima pemakluman untuk bersidang daripada PDRM berdasarkan keperluan dan kesegeraan pengemukaan syor oleh PDRM.

PELAPORAN MESYUARAT

21. Pelaporan mesyuarat hendaklah disediakan oleh pegawai bertanggungjawab (*desk officers*) setiap kali mesyuarat JK TFS-TF diadakan. Format dan kandungan laporan tertakluk kepada persetujuan Pengerusi JK TFS-TF. Pelaporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi KDN untuk perakuan sebelum diangkat untuk pertimbangan serta keputusan Menteri.

PEMAKAIAN

22. Garis Panduan ini terpakai kepada semua ahli Jawatankuasa Sekatan Kewangan Bersasar Bagi Pencegahan Pembiayaan Keganasan (JK TFS-TF) dalam membuat syor sebelum dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pengurusan Tertinggi Kementerian. Ianya adalah terpakai bagi tujuan JK TFS-TF tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan arahan Pengurusan Tertinggi yang terkini.

PEMBATALAN

23. Tidak berkaitan.

TARIKH KUAT KUASA

24. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan, melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula.

PENUTUP

25. Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan berdasarkan kepada keadaan semasa.

26. Walau bagaimanapun, syor dan keputusan JK TFS-TF tidak dalam mana- mana keadaan pun mengikat Menteri Dalam Negeri dalam membuat keputusan yang dirasakan wajar serta adil pada ketika itu seperti mana yang dibenarkan oleh undang-undang.

PERTANYAAN

27. Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
(u.p. : SUB Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam)

Faks : 03-8889 1763
E-mel : amlcft@moha.gov.my

LAMPIRAN A
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Parameter
Dalam Melaksanakan Bahagian VIA
Akta 613

1. PENGENALAN

- 1.1 Bahagian VIA dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 [Akta 613] diwujudkan adalah untuk melaksanakan sekatan bersasar (*targeted sanctions*) berdasarkan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) berkaitan keganasan dan pembiayaan keganasan, khususnya Resolusi 1267 (1989), Resolusi 1373 (2001), Resolusi 1988 (2011) dan Resolusi 1989 (2011).
- 1.2 Parameter ini adalah sebagai garis panduan bagi menentukan sesuatu entiti (individu/kumpulan) boleh diambil tindakan di bawah Bahagian VIA, AMLATFPUAA 2001.

2. GLOSARI

| PERKARA | TAFSIRAN |
|--------------------|--|
| Aktiviti keganasan | <p>Perbuatan atau aktiviti yang menunjukkan bahawa individu, kumpulan, syarikat atau entiti, dikaitkan dengan keganasan, termasuk namun tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil bahagian dalam pembiayaan, merancang, memudahkan, menyediakan, atau melakukan perbuatan atau aktiviti dengan, bersama-sama dengan, di bawah nama, bagi pihak, atau menyokong; (b) membekal, menjual atau memindahkan senjata dan bahan berkaitan kepada; dan (c) merekrut untuk; <p>atau sebaliknya menyokong tindakan atau aktiviti penganas atau/dan kumpulan penganas atau mana-mana sel, gabungan, kumpulan serpihan atau terbitan daripadanya.</p> |
| Dana | <p>Dana bagi entiti tersenarai termasuklah dana yang diperoleh atau terhasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) daripada harta yang dipunyai atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh entiti tersenarai; atau (b) oleh mana-mana pengusaha yang dipunyai atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh entiti tersenarai. <p><i>Dana termasuklah –</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) aset kewangan, apa-apa jenis faedah ekonomi dan sumber ekonomi, termasuklah syiling emas, jongkong emas, tunai, cek, tuntutan ke atas wang, draf, kiriman wang dan surat cara |

| PERKARA | TAFSIRAN |
|------------------------------|---|
| | <p>pembayaran yang lain;</p> <p>(b) deposit dengan institusi kewangan atau entiti lain, baki dalam akaun, hutang dan obligasi hutang;</p> <p>(c) sekuriti, kontrak niaga hadapan dan surat cara hutang, termasuklah saham dan syer, sijil yang mewakili sekuriti, bon, nota, waran, debentur, saham debentur dan kontrak terbitan;</p> <p>(d) bunga, dividen atau pendapatan lain atas atau nilai yang terakru daripada atau dihasilkan oleh aset;</p> <p>(e) kredit, hak tolak selesai, jaminan, bon pelaksanaan atau komitmen kewangan lain, surat kredit, bil muatan, bil jualan; dan</p> <p>(f) dokumen yang menunjukkan suatu kepentingan dalam dana atau sumber kewangan, dan mana-mana surat cara pembiayaan eksport lain.</p> |
| Entiti | Orang sebenar, orang dan kumpulan di sisi undang-undang |
| Entiti tersenarai | Suatu entiti dinyatakan dalam senarai UNSCR 1267 dan senarai UNSCR 1988 |
| Entiti yang dinyahsenaraikan | Entiti yang dikeluarkan daripada senarai UNSCR 1267 oleh Jawatankuasa 1267 dan daripada senarai UNSCR 1988 oleh Jawatankuasa 1988 |
| Jawatankuasa 1267 | Jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Resolusi 1267 (1999) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| Jawatankuasa 1988 | Jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Resolusi 1988 (2011) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |

| PERKARA | TAFSIRAN |
|--------------------|---|
| MDN | Menteri Dalam Negeri |
| Senarai UNSCR 1267 | Senarai Disatukan bagi entiti yang diwujudkan dan diselenggarakan oleh Jawatankuasa 1267 berkenaan dengan Al-Qaida, Usama bin Laden dan Taliban, dan individu lain, kumpulan, perusahaan dan entiti yang bersekutu dengan mereka yang dikemas kini oleh Jawatankuasa 1267 dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di http://www.un.org |
| Senarai UNSCR 1988 | Senarai Disatukan bagi entiti yang diwujudkan dan disenggarakan oleh Jawatankuasa 1988 berkenaan dengan Al-Qaida, Usama bin Laden dan Taliban, dan individu lain, kumpulan, perusahaan dan entiti yang bersekutu dengan mereka yang dikemas kini oleh Jawatankuasa 1988 dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di http://www.un.org |
| Sumber ekonomi | <p>(a) Tiap-tiap jenis aset, sama ada harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, yang sebenar atau berpotensi, yang bukan dana tetapi berkemungkinan digunakan untuk mendapatkan dana, barang-barang atau perkhidmatan, termasuklah—</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tanah, bangunan atau harta tanah lain; ii. peralatan, termasuklah komputer, perisian komputer, alat dan jentera; iii. perabot pejabat, kelengkapan dan lekapan dan barangan lain yang jenisnya tetap; iv. kapal, pesawat udara dan kenderaan motor; v. inventori barang-barang; vi. karya seni, batu berharga, barang kemas atau emas; |

| PERKARA | TAFSIRAN |
|---------|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> vii. komoditi, termasuklah minyak, mineral atau balak; viii. senjata atau bahan yang berkaitan; ix. paten, tanda dagangan, hak cipta, nama dagang, x. francais, nama baik dan bentuk harta intelek lain; dan xi. pengehosan internet atau perkhidmatan yang berkaitan; dan <p>(b) mana-mana aset lain, sama ada ketara atau tidak ketara, sebenar atau berpotensi.</p> |

3. PARAMETER BAGI PENYENARAIAAN SEBAGAI ENTITI DITENTUKAN

Sek. 66B (1) AMLATFPUAA 2001 memberikan kuasa kepada MDN untuk mengisytiharkan mana-mana individu atau kumpulan sebagai Entiti Ditetapkan dan tertakluk kepada perintah pembekuan aset.

3.1 Individu

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|---|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan. | Individu itu telah dikenakan tindakan undang-undang atau sedang dalam proses untuk dikenakan tindakan undang-undang. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|---|
| 3. | Disyaki telah melakukan aktiviti keganasan. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 4. | Memudahkan perlakuan aktiviti keganasan. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah memudahkan perlakuan aktiviti keganasan. |

3.2 Kumpulan

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|--|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan. | Kumpulan itu didapati telah terlibat dengan aktiviti keganasan. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. | Polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa kumpulan itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk kumpulan itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 3. | Disyaki telah melakukan aktiviti keganasan. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa kumpulan itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk kumpulan itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|---|
| | | lebih mudarat. |
| 4. | Kumpulan yang sebahagian / majoriti anggotanya adalah individu yang telah disenaraikan. | Kumpulan itu dianggotai oleh pegganas (individu yang telah diisytiharkan sebagai "entiti ditentukan") terutamanya individu yang memegang jawatan penting dalam kumpulan tersebut. |
| 5. | Digunakan sebagai saluran untuk mengumpul dana untuk tujuan keganasan. | Kumpulan itu menerima, mengumpul dana dan menggunakannya untuk memudahkan, mencuba dan melakukan aktiviti keganasan. |
| 6. | Digunakan sebagai saluran untuk memudahkan pembiayaan kepada mana-mana pihak untuk tujuan aktiviti keganasan. | Kumpulan itu menerima, menyediakan, mengumpul, memindahkan dan memudahkan pembiayaan kepada pihak-pihak yang terkait dengan aktiviti keganasan. |

3.3 Senarai individu ke UNSCR dan negara-negara lain

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|--|---|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Individu itu telah dikenakan tindakan undang-undang atau sedang dalam proses untuk dikenakan tindakan undang-undang. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 3. | Disyaki telah melakukan | Walaupun belum dikenakan tindakan |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|--|---|
| | aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |

3.4 Senarai kumpulan dari UNSCR dan negara-negara lain

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|---|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Kumpulan itu didapati telah terlibat dengan aktiviti keganasan. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa kumpulan itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk kumpulan itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 3. | Disyaki telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 4. | Kumpulan yang sebahagian / majoriti anggotanya adalah individu yang telah disenaraikan. Anggota itu | Kumpulan itu dianggotai oleh pegganas (individu yang telah diisytiharkan sebagai "entiti ditentukan") terutamanya individu yang memegang jawatan penting |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|------------|---|---|
| | terdiri daripada warga Malaysia dan warganegara asing. | dalam kumpulan tersebut. |
| 5. | Digunakan sebagai saluran untuk mengumpul dana untuk tujuan keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Kumpulan itu menerima, mengumpul dana dan menggunakannya untuk memudahkan, mencuba dan melakukan aktiviti keganasan sama ada dalam atau luar negara. |
| 6. | Digunakan sebagai saluran untuk memudahkan pembiayaan kepada mana-mana pihak untuk tujuan aktiviti keganasan sama ada di Malaysia dan negara-negara lain. | Kumpulan itu menerima, menyediakan, mengumpul, memindahkan dan memudahkan pembiayaan kepada pihak-pihak yang terkait dengan aktiviti keganasan sama ada dalam atau luar negara. |

3.5 Permohonan senarai individu dari negara-negara lain

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|------------|--|---|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Individu itu telah dikenakan tindakan undang-undang atau sedang dalam proses untuk dikenakan tindakan undang-undang. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 3. | Disyaki telah melakukan aktiviti keganasan di | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|----------------------------------|--|
| | Malaysia dan negara-negara lain. | bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |

3.6 Permohonan senarai kumpulan dari negara-negara lain

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|--|---|
| 1. | Telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Kumpulan itu didapati telah terlibat dengan aktiviti keganasan. |
| 2. | Ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa kumpulan itu ada percubaan untuk melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk kumpulan itu disenaraikan bagi mengelakkan terjadinya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 3. | Disyaki telah melakukan aktiviti keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Walaupun belum dikenakan tindakan undang-undang, polis mempunyai bukti yang munasabah untuk mempercayai bahawa individu itu telah melakukan aktiviti keganasan. Adalah perlu untuk individu itu disenaraikan bagi mengelakkan berlakunya aktiviti keganasan yang lebih mudarat. |
| 4. | Kumpulan yang sebahagian / majoriti anggotanya adalah individu yang telah disenaraikan. Anggota itu terdiri daripada warga Malaysia dan warganegara asing. | Kumpulan itu dianggotai oleh penganas (individu yang telah diisytiharkan sebagai "entiti ditentukan") terutamanya individu yang memegang jawatan penting dalam kumpulan tersebut. |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|------------|--|---|
| 5. | Digunakan sebagai saluran untuk mengumpul dana untuk tujuan keganasan di Malaysia dan negara-negara lain. | Kumpulan itu menerima, mengumpul dana dan menggunakannya untuk memudahkan, mencuba dan melakukan aktiviti keganasan sama ada dalam atau luar negara. |
| 6. | Digunakan sebagai saluran untuk memudahkan pembiayaan kepada mana-mana pihak untuk tujuan aktiviti keganasan sama ada di Malaysia dan negara lain. | Kumpulan itu menerima, menyediakan, mengumpul, memindahkan dan memudahkan pembiayaan kepada pihak-pihak yang terkait dengan aktiviti keganasan sama ada dalam atau luar negara. |

4. PARAMETER BAGI NYAHSENARAI SEBAGAI ENTITI DITENTUKAN

Sek. 66B (9) AMLATFPUAA 2001 memberikan kuasa kepada MDN untuk menyemak semula senarai Entiti Ditetentukan setiap enam (6) bulan sama ada mana-mana individu/kumpulan layak dikekalkan/dikeluarkan dari senarai tersebut.

4.1 Individu

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|------------|--|--|
| 1. | Telah disahkan meninggal dunia dan mempunyai pengesahan sijil kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau perintah Anggapan Kematian oleh Mahkamah Tinggi atau pihak polis mempunyai bukti yang munasabah untuk dipercayai bahawa individu itu telah | <p>Seksyen 18 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) adalah dinyatakan dengan jelas bahawa setiap kematian di negara hendaklah didaftarkan dengan syarat mayatnya dijumpai.</p> <p>Dalam kes mayat tidak dijumpai atau individu yang diklasifikasikan sebagai telah dianggap mati, maka perintah Anggapan Kematian perlu diperolehi di Mahkamah Tinggi berdasarkan Seksyen 108 Akta Keterangan 1950</p> |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|--|---|
| | meninggal dunia. | <p>(Akta 56) yang akan didaftarkan dibawah Seksyen 24A Akta 299 (Pindaan 2017).</p> <p>Keluarga/pewaris hendaklah menunggu sekurang-kurangnya tujuh tahun, sebelum permohonan anggapan kematian dibuat kepada Mahkamah.</p> <p>Pihak polis mempunyai bukti yang munasabah berdasarkan sumber yang boleh dipercayai bahawa individu tersebut telah meninggal dunia.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya pihak polis mempunyai bukti yang munasabah bahawa individu yang telah disahkan meninggal dunia masih mempunyai pengaruh dalam memudahkan perlakuan aktiviti keganasan, individu terbabit boleh dikekalkan dalam senarai tersebut.</p> |
| 2. | Telah menjalani hukuman dan tidak lagi mendatangkan ancaman. | <p>Telah menjalani hukuman bermaksud telah dibebaskan dari penjara, pusat tahanan atau perintah sekatan/pengawasan.</p> <p>Tidak lagi mendatangkan ancaman bermaksud pihak berkuasa sudah melakukan penilaian dan berpuas hati bahawa individu terbabit tidak lagi mampu dalam melakukan /memudahkan aktiviti keganasan.</p> |
| 3. | Telah dikeluarkan daripada senarai oleh Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, | Sekiranya individu terbabit hanya tersenarai dalam senarai oleh Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, Majlis |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|--|
| | Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. | <p>Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan telah dikeluarkan, secara automatik individu tersebut akan dinyahsenarai dari senarai domestik.</p> <p>Sekiranya individu terbabit tersenarai dalam senarai oleh Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988 dan senarai domestik, walaupun individu terbabit telah dikeluarkan dari senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988, individu tersebut tidak akan dinyahsenarai secara automatik dari senarai domestik.</p> <p>Individu terbabit tertakluk kepada Sek. 66B (9) AMLATFPUAA.</p> |
| 4. | Telah dikeluarkan daripada senarai domestik namun masih kekal dalam senarai Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. | <p>Seseorang individu mungkin berada dalam senarai domestik dan senarai oleh Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988. Walaupun individu terbabit telah dikeluarkan dari senarai domestik, individu tersebut tidak akan dinyahsenarai secara automatik dari senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988.</p> <p>Selagi mana individu berada dalam senarai 1276 dan senarai 1988, individu terbabit masih tertakluk kepada Sek. 66C, AMLATFPUAA.</p> <p>Untuk permohonan nyahsenarai dari senarai 1276 dan senarai 1988, boleh rujuk Manual Pelaksanaan Bahagian VIA, AMLAFTPUAA 2001 seperti di Lampiran B.</p> |

4.2 Kumpulan

| No. | PARAMETER | KETERANGAN |
|-----|---|--|
| 1. | <p>Telah dibubarkan atau ditukarnama.</p> <p>Tidak lagi wujud dan tidak mendatangkan ancaman.</p> <p>Tidak lagi terlibat dengan keganasan.</p> <p>Tidak lagi digunakan sebagai saluran untuk mengumpul dana untuk tujuan aktiviti keganasan.</p> <p>Tidak lagi digunakan sebagai saluran untuk memindahkan dana kepada pihak yang terlibat dengan aktiviti keganasan.</p> | <p>Perlu mengambilkira situasi apabila sesuatu kumpulan/ persatuan/ syarikat telah dibubarkan (pendaftaran) tetapi entiti tersebut masih wujud/kekal.</p> |
| 2. | <p>Telah dikeluarkan daripada senarai Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.</p> | <p>Sekiranya kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit hanya tersenarai dalam senarai oleh Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan telah dikeluarkan, secara automatik kumpulan/ persatuan/ syarikat tersebut akan dinyahsenarai dari senarai domestik.</p> <p>Sekiranya kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit tersenarai dalam senarai Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988 dan senarai domestik, walaupun kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit telah</p> |

| | | |
|----|--|---|
| | | <p>dikeluarkan dari senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988, kumpulan/ persatuan/ syarikat tersebut tidak akan dinyahsenarai secara automatik dari senarai domestik.</p> <p>Kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit tertakluk kepada Sek. 66B (9) AMLATFPUAA.</p> |
| 3. | <p>Telah dikeluarkan daripada senarai domestik namun masih kekal dalam senarai Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.</p> | <p>Sesebuah kumpulan/ persatuan/ syarikat mungkin berada dalam senarai domestik dan senarai Jawatankuasa 1267 dan Jawatankuasa 1988. Walaupun kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit telah dikeluarkan dari senarai domestik, kumpulan/ persatuan/ syarikat tersebut tidak akan dinyahsenarai secara automatik dari senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988.</p> <p>Selagi mana kumpulan/ persatuan/ syarikat berada dalam senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988, kumpulan/ persatuan/ syarikat terbabit masih tertakluk kepada Sek. 66C, AMLATFPUAA.</p> <p>Untuk permohonan nyahsenarai dari senarai UNSCR 1276 dan senarai UNSCR 1988, boleh rujuk Manual Pelaksanaan Bahagian VIA, AMLAFTPUAA 2001 seperti di Lampiran B.</p> |

5. PARAMETER MEMBENARKAN AKSES HARTA DIBEKUKAN

Sek. 66B (10) AMLATFPUAA memberikan kuasa kepada MDN untuk membenarkan akses kepada dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan.

(Dokumen sokongan diperlukan bagi setiap kriteria pengecualian yang disenaraikan).

| No. | PARAMETER | KETERANGAN / KADAR |
|-----|---|---|
| 1. | Makanan (Mengikut keperluan asas). | KDN membuat pertimbangan berdasarkan kos sara hidup di kawasan tempat tinggal pemohon. Pemohon boleh mengemukakan dokumen sokongan (resit pembelian dll). KDN boleh merujuk jabatan kerajaan yang relevan dalam membuat pertimbangan. |
| 2. | Sewa atau gadai janji: (Perumahan). | KDN membuat pertimbangan berdasarkan kos sewa di kawasan tempat tinggal pemohon atau bayaran gadai janji. Pemohon boleh mengemukakan dokumen sokongan (perjanjian jual beli, <i>tenancy agreement</i> dll). KDN boleh merujuk jabatan kerajaan yang relevan dalam membuat pertimbangan. |
| 3. | Perubatan (ubat dan rawatan perubatan). | KDN membuat pertimbangan berdasarkan kos perubatan di kawasan tempat tinggal pemohon. Pemohon boleh mengemukakan dokumen sokongan (pengesahan dari hospital/klinik). KDN boleh merujuk jabatan kerajaan yang relevan dalam membuat pertimbangan. Mendapatkan rawatan perubatan di hospital/klinik kerajaan terlebih dahulu dan jika sekiranya tiada kemudahan rawatan yang diperlukan di hospital/klinik kerajaan berkenaan maka |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN / KADAR |
|-----|---------------------------------|---|
| | | dokumen sokongan diperlukan bagi merujuk ke hospital swasta. |
| 5. | Cukai/zakat. | <p>Diberikan jika pemohon dalam kategori wajib bayar cukai pendapatan atau zakat. Pengesahan diperlukan dari LHDN atau pihak berkuasa zakat.</p> <p>Mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Kastam/Cukai Majlis PBT dan disokong bersama dokumen yang berkenaan.</p> |
| 6. | Premium insurans/takaful. | <p>KDN membuat pertimbangan dengan mengambilkira sama ada premium insurans tersebut merupakan polisi sedia ada atau polisi yang ingin dilanjutkan tempoh dan perlu mengenalpasti ciri-ciri produk polisi insuran yang diambil oleh individu/entiti tersebut. Selagi ia tidak memberi kemudahan kewangan secara tunai seperti MySalam (B40) maka ia boleh dipertimbangkan.</p> <p>Nota: Perlu mengambilkira tarikh polisi ditandatangani; adakah sebelum atau selepas penyenaraian dibuat (polisi baru atau polisi sedia ada).</p> |
| 7. | Utiliti Asas: Air, elektrik. | Diberikan mengikut jumlah/kadar bil semasa atau berdasarkan perjanjian sewaan (bagi rumah sewa). |
| 8. | Yuran perkhidmatan profesional. | KDN membuat pertimbangan berdasarkan jumlah yuran tersebut, bil dan dokumen sokongan yang dikemukakan. |
| 9. | Lain-Lain Yuran (selain | KDN membuat pertimbangan |

| No. | PARAMETER | KETERANGAN / KADAR |
|-----|--|---|
| | yuran professional). | berdasarkan jumlah yuran tersebut, bil dan dokumen sokongan yang dikemukakan. |
| 10. | Fi atau caj perkhidmatan bagi pemegang atau penyelenggaraan biasa dana atau aset kewangan atau sumber ekonomi lain yang dibekukan. | KDN membuat pertimbangan berdasarkan jumlah, bil dan dokumen sokongan yang dikemukakan. |
| 11. | Akses kepada akaun syarikat/ persatuan yang dikongsi bersama Entiti Ditetapkan. | <p>Sekiranya nama individu/entiti sama dengan Entiti Ditetapkan, KDN akan membuat pertimbangan berdasarkan dokumen sokongan yang membuktikan bahawa individu/entiti tersebut bukanlah Entiti Ditetapkan.</p> <p>Sekiranya individu/entiti disenaraikan sebagai Entiti Ditetapkan, KDN akan membuat pertimbangan berdasarkan dokumen sokongan yang membuktikan bahawa Entiti Ditetapkan tersebut tidak lagi menjadi pemilik atau tidak lagi menjawat apa-apa jawatan dalam syarikat/ persatuan dan tidak memberikan manfaat kepada Entiti Ditetapkan sekiranya akaun tersebut boleh diakses.</p> |
| 12. | Bayaran lain yang diluluskan oleh MDN. | KDN membuat pertimbangan berdasarkan jumlah, bil dan dokumen sokongan yang dikemukakan. |

LAMPIRAN B
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Manual
Dalam Melaksanakan Bahagian VIA
Akta 613

1. PENGENALAN

Manual ini adalah sebagai garis panduan untuk semua Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan tatacara operasi Bahagian VIA, AMLTFPUAA 2001 dengan tersusun dan teratur.

Dalam melaksanakan tatacara operasi seperti yang terkandung di dalam manual ini tanpa lengah, semua Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan berdasarkan peranan masing-masing dalam tempoh masa yang wajar, demi memastikan usaha sekatan kewangan bersasar bagi pencegahan pembiayaan keganasan terlaksana dengan pantas dan berkesan.

2. RUJUKAN

| | |
|--------|---|
| AGC | Jabatan Peguam Negara |
| Bhg. K | Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN |
| JPJ | Jabatan Pengangkutan Jalan |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| KLN | Kementerian Luar Negeri |
| MDN | Menteri Dalam Negeri |
| PBB | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PUU | Penasihat Undang-Undang KDN |
| RI | Institusi Pelapor (<i>Reporting Institution</i>) |
| RRSA | Pihak Berkuasa Kawal Selia dan Pengawasan (<i>Relevant Regulatory or Supervisory Authority</i>) |
| UNSCR | Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (<i>United Nations Security Council Resolutions</i>) |
| BNM | Bank Negara Malaysia |

3. SEKSYEN 66B (1) – PENGISYTIHARAN ENTITI DITENTUKAN

| NO. | PERKARA | | TINDAKAN |
|-----|--|--|-------------------|
| 1. | <p>Mengemukakan permohonan cadangan Entiti Ditetentukan kepada KDN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • PDRM: Permohonan berdasarkan kriteria pengisytiharan dan penilaian sekiranya perlu untuk Entiti Ditetentukan juga diisytiharkan dalam senarai UNSC atau/dan senarai negara ketiga. • KLN: Permohonan berdasarkan permintaan oleh negara asing (pihak ketiga). <p><i>Borang berkaitan: No.4 atau No. 5</i></p> | | PDRM KLN |
| 2. | Menyemak permohonan dan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | | KDN |
| 3. | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | | KDN |
| 4. | MDN bersetuju: Kemukakan draf Perintah untuk diwartakan. | MDN tidak bersetuju: Langkau ke No. 13. | KDN PUU AGC |
| 5. | Perintah diwartakan. | | PUU AGC |
| 6. | Jika ada keperluan, kemukakan cadangan kepada MDN supaya Entiti Ditetentukan juga diisytiharkan dalam senarai UNSC atau/dan senarai negara ketiga. | | KDN |
| 7. | MDN bersetuju: Kemukakan permohonan kepada KLN: <i>Borang berkaitan: No. 1 dan No. 2 (UNSCR 1267/1989)</i> | MDN tidak bersetuju: Maklumkan kepada PDRM / KLN Langkau ke No. 11 | KDN |

| NO. | PERKARA | TINDAKAN |
|-----|---|-----------------------------|
| | <i>No. 7 dan No. 8 (UNSCR 1988).</i> | |
| 8. | Mengemukakan cadangan kepada PBB dan/atau negara ketiga dan memaklumkan kepada Jemaah Menteri. | KLN |
| 9. | <p>Mengeluarkan surat arahan kepada RRSA supaya memaklumkan berkenaan Perintah tersebut kepada RI berkaitan.</p> <p>Mengeluarkan pemakluman kepada PDRM dan agensi berkaitan seperti JPJ mengenai Perintah tersebut.</p> | KDN |
| 10. | Mengeluarkan arahan dan pekeliling kepada RI yang memaklumkan Perintah terkini dan supaya melaporkan kembali kepada RRSA sekiranya terdapat padanan nama. | RRSA |
| 11. | <p>Mengemukakan laporan mengenai maklumat berkaitan aset kepada RRSA (bagi RI) atau kepada KDN dan PDRM (bagi Agensi berkaitan) sekiranya terdapat padanan nama; mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Perintah.</p> <p><i>Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 66B (3)(d).</i></p> | RI Agensi berkaitan |
| 12. | Melaporkan kepada KDN secara berkala, mengenai ringkasan akaun, sekiranya terdapat padanan nama; mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Perintah. | RRSA Agensi berkaitan |
| 13. | Kemaskini maklumat. | KDN |

4. SEKSYEN 66B (6) & 66B (7) – PERMOHONAN PEMBATALAN PERINTAH

| NO. | PERKARA | TINDAKAN | |
|-----|---|--|-------------------|
| 1. | Menerima permohonan daripada individu / entiti yang telah diisytiharkan sebagai Entiti Ditetapkan di bawah Seksyen 66B(1). <i>Borang berkaitan: No. 6.</i> | KDN PDRM | |
| 2. | Majukan permohonan beserta ulasan kepada KDN. | PDRM | |
| 3. | Menyemak permohonan dan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | KDN | |
| 4. | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | KDN | |
| 5. | MDN bersetuju: Kemukakan draf Perintah untuk diwartakan. | MDN tidak bersetuju: Maklumkan kepada pemohon (Entiti Ditetapkan) berhubung keputusan MDN dalam tempoh 60 hari dari tarikh permohonan diterima. | KDN PUU AGC |
| 6. | Perintah diwartakan. | PUU AGC | |
| 7. | Memaklumkan BNM, PDRM, dan Agensi berkaitan seperti JPJ mengenai pembatalan Perintah tersebut. | KDN | |
| 8. | Memaklumkan RI berkaitan mengenai pembatalan Perintah tersebut. | RRSA | |
| 9. | Kemaskini maklumat. | KDN | |

Nota:

Permohonan untuk membatalkan Perintah mesti dibuat **dalam masa 60 hari** selepas Perintah diwartakan.

SEKSYEN 66B (9) – MENGAJAI SEMULA PERINTAH

| NO. | PERKARA | | TINDAKAN |
|-----|---|---|-------------------|
| 1 | Menyemak semula Perintah yang dibuat di bawah Seksyen 66B (1) sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan . | | KDN |
| 2 | Menyemak permohonan dan mendapatkan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | | KDN |
| 3 | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | | KDN |
| 4 | MDN bersetuju: Kemukakan draf Perintah untuk diwartakan. | MDN tidak bersetuju: Semak semula dalam enam (6) bulan berikutnya. | KDN PUU AGC |
| 5. | Perintah diwartakan. | | PUU AGC |
| 6. | Memaklumkan BNM, PDRM, dan Agensi berkaitan seperti JPJ mengenai Perintah tersebut. | | KDN |
| 7. | Memaklumkan RI berkaitan mengenai pindaan Perintah tersebut. | | RRSA |
| 8. | Kemaskini maklumat. | | KDN |

5. SEKSYEN 66B (10) – PERMOHONAN MENGAKSES DANA YANG DIBEKUKAN UNTUK KEPERLUAN ASAS

| NO. | PERKARA | TINDAKAN | | |
|--|--|--|---|-----|
| 1. | Menerima permohonan bertulis dari individu / entiti yang diisytiharkan di bawah Seksyen 66B (1) untuk mengakses dana yang dibekukan bagi tujuan keperluan asas. | KDN PDRM | | |
| 2. | Majukan permohonan beserta ulasan kepada KDN. | PDRM | | |
| 3. | Menyemak permohonan dan mendapatkan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | KDN | | |
| 4. | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | KDN | | |
| 5. | <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> MDN bersetuju: Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat. </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> MDN tidak bersetuju: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN. </td> </tr> </table> | MDN bersetuju: Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat. | MDN tidak bersetuju: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN. | KDN |
| MDN bersetuju: Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat. | MDN tidak bersetuju: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN. | | | |
| 6. | Memaklumkan RI khusus berhubung keputusan MDN. | RRSA | | |
| 7. | Melaporkan secara berkala kepada RRSA berhubung akses yang diberikan kepada aset yang dibekukan. | RI | | |
| 8. | Melaporkan kepada KDN secara berkala mengenai ringkasan akaun. | RRSA | | |
| 9. | Kemaskini maklumat. | KDN | | |

6. MENGISYTIHARKAN INDIVIDU / ENTITI KE DALAM SENARAI SEKATAN UNSC (RESOLUSI 1267/1989 DAN 1988)

| NO. | PERKARA | TINDAKAN | | |
|--|--|--|--|-----|
| 1. | <p>Menghantar permohonan pengisytiharan kepada KDN.</p> <p><i>Borang berkaitan: No. 1 dan No. 2 (UNSCR 1267/1989)</i></p> <p><i>No. 7 dan No. 8 (UNSCR 1988).</i></p> | PDRM | | |
| 2. | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | KDN | | |
| 3. | <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%; padding: 5px;">MDN bersetuju: Kemukakan permohonan kepada KLN.</td> <td style="width: 50%; padding: 5px;">MDN tidak bersetuju: Maklumkan kepada PDRM.</td> </tr> </table> | MDN bersetuju: Kemukakan permohonan kepada KLN. | MDN tidak bersetuju: Maklumkan kepada PDRM. | KDN |
| MDN bersetuju: Kemukakan permohonan kepada KLN. | MDN tidak bersetuju: Maklumkan kepada PDRM. | | | |
| 4. | Mengemukakan cadangan kepada PBB dan/atau negara ketiga dan memaklumkan kepada Jemaah Menteri. | KLN | | |
| 5. | Menerima keputusan PBB. | KLN | | |
| 6. | Memaklumkan keputusan PBB kepada KDN. | KLN | | |
| 7. | Memaklumkan keputusan PBB kepada PDRM. | KDN | | |

7. SEKSYEN 66C (1) – PERINTAH BAGI MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGUATKUASAKAN UNSCR

| NO. | PERKARA | TINDAKAN |
|-----|--|----------------------------|
| 1. | Menyemak secara berkala pengemaskinian dan perubahan dalam senarai sekatan UNSCR 1267 dan UNSCR 1988. | RI Agensi berkaitan |
| 2. | Mengemukakan laporan mengenai maklumat berkaitan aset kepada RRSA (bagi RI) atau kepada KDN dan PDRM (bagi Agensi berkaitan) sekiranya terdapat padanan nama; mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Perintah. | RI Agensi berkaitan |
| 3. | Melaporkan kepada KDN secara berkala mengenai ringkasan akaun; mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Perintah. | RRSA & Agensi berkaitan |
| 4. | Mengemukakan maklumat yang diperolehi dari RRSA kepada KLN. | KDN |
| 5. | Mengemukakan maklumat kepada PBB. | KLN |

8. SEKSYEN 66C (3) – PERMOHONAN MENGAKSES DANA YANG DIBEKUKAN UNTUK KEPERLUAN ASAS

| NO. | PERKARA | TINDAKAN | | |
|---|---|---|---|------------|
| 1. | Menerima permohonan bertulis daripada individu / entiti yang diisytiharkan dalam UNSCR (senarai 1267/1989 dan senarai 1988). | KDN PDRM | | |
| 2. | Menyemak permohonan dan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | KDN | | |
| 3. | Menyediakan pelaporan dan draf Perintah untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | KDN | | |
| 4. | <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>MDN bersetuju:</p> <p>KDN: Memajukan permohonan tersebut kepada KLN.</p> <p>KLN: Memajukan permohonan kepada PBB untuk pertimbangan dan keputusan.</p> </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>MDN tidak bersetuju:</p> <p>KDN: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN.</p> </td> </tr> </table> | <p>MDN bersetuju:</p> <p>KDN: Memajukan permohonan tersebut kepada KLN.</p> <p>KLN: Memajukan permohonan kepada PBB untuk pertimbangan dan keputusan.</p> | <p>MDN tidak bersetuju:</p> <p>KDN: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN.</p> | KDN KLN |
| <p>MDN bersetuju:</p> <p>KDN: Memajukan permohonan tersebut kepada KLN.</p> <p>KLN: Memajukan permohonan kepada PBB untuk pertimbangan dan keputusan.</p> | <p>MDN tidak bersetuju:</p> <p>KDN: Memaklumkan Entiti Ditetapkan keputusan yang telah dibuat oleh MDN.</p> | | | |
| 5. | Menerima keputusan PBB. | KLN | | |
| 6. | Memaklumkan KDN keputusan PBB. | KLN | | |
| 7. | <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>PBB bersetuju:</p> <p>Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat.</p> </td> <td style="width: 50%; vertical-align: top;"> <p>PBB tidak bersetuju:</p> <p>Memaklumkan pemohon.</p> </td> </tr> </table> | <p>PBB bersetuju:</p> <p>Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat.</p> | <p>PBB tidak bersetuju:</p> <p>Memaklumkan pemohon.</p> | KDN |
| <p>PBB bersetuju:</p> <p>Memaklumkan RRSA keputusan MDN termasuk maklumat terperinci berkaitan dana/ aset kewangan atau sumber ekonomi yang terlibat.</p> | <p>PBB tidak bersetuju:</p> <p>Memaklumkan pemohon.</p> | | | |
| 8. | Memaklumkan RI khusus berhubung keputusan PBB. | RRSA | | |
| 9. | Melaporkan secara berkala kepada RRSA berhubung akses yang diberikan kepada aset yang dibekukan. | RI | | |

| NO. | PERKARA | TINDAKAN |
|-----|--|----------|
| 10. | Melaporkan kepada KDN secara berkala mengenai ringkasan akaun. | RRSA |
| 11. | Kemaskini maklumat. | KDN |

9. PERMOHONAN NYAHSENARAI DARI SENARAI SEKATAN UNSCR (1267/1989 & 1988)

| NO. | PERKARA | TINDAKAN |
|-----|--|-------------|
| 1. | Menerima permohonan daripada individu / entiti yang disenaraikan dalam UNSCR. <i>Borang berkaitan: No. 3 (UNSCR 1267) No. 9 (UNSCR 1988)</i> | KDN PDRM |
| 2. | Majukan permohonan beserta ulasan kepada KDN. | PDRM |
| 3. | Menyemak permohonan dan pandangan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | KDN |
| 4. | Menyediakan minit ceraihan untuk pertimbangan dan kelulusan MDN. | KDN |
| 5. | MDN bersetuju: KDN: Memajukan permohonan kepada KLN. MDN tidak bersetuju KDN: Maklumkan pemohon dan nasihat untuk membuat permohonan terus kepada Pejabat Ombudsperson. | KDN KLN |
| 6. | Mengemukakan permohonan kepada PBB melalui Perwakilan Tetap dan memaklumkan kepada Jemaah Menteri. | KLN |
| 7. | Memaklumkan keputusan PBB kepada KDN. | KLN |
| 8. | PBB bersetuju: KDN: Memaklumkan BNM, PDRM, JPJ dan PBB tidak bersetuju: Langkau ke No. 9. | KDN RRSA |

| NO. | PERKARA | TINDAKAN |
|-----|--|----------|
| | Agensi berkaitan mengenai keputusan PBB tersebut. RRSA: Memaklumkan RI berkaitan berhubung keputusan PBB. | |
| 9. | Memaklumkan pemohon keputusan PBB. | KDN |
| 10. | Kemaskini maklumat. | KDN |

10. PERMOHONAN MENGAKSES DANA YANG DIBEKUKAN OLEH INDIVIDU ATAU ENTITI YANG MEMPUNYAI NAMA SAMA DAN TERKESAN DENGAN PEMBEKUAN ASET

| NO. | PERKARA | TINDAKAN | |
|-----|--|--|-----|
| 1. | Menerima permohonan daripada individu/entiti terkesan. | KDN PDRM | |
| 2. | Menyemak dan meneliti permohonan. | KDN | |
| 3. | Mendapatkan pandangan dan ulasan daripada RRSA atau pihak berkuasa berkaitan. | KDN | |
| 4. | Menyediakan minit ceraihan untuk pertimbangan dan keputusan Ketua Setiausaha (KSU) KDN. | KDN | |
| 5. | <p>KSU bersetuju</p> <p>KDN: Memaklumkan keputusan KSU kepada pemohon.</p> <p>KDN: Memaklumkan BNM, PDRM, JPJ dan Agensi berkaitan mengenai keputusan KSU bahawa individu/entiti tersebut bukan individu/entiti yang disasarkan.</p> | <p>KSU tidak bersetuju:</p> <p>Memaklumkan kepada pemohon keputusan KSU.</p> | KDN |
| 6. | Kemaskini maklumat. | KDN | |

11. SENARAI PIHAK BERKUASA KAWAL SELIA DAN PENGAWASAN (RRSA)

- i. Bank Negara Malaysia;
- ii. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- iii. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

12. PIHAK BERKUASA BERWIBAWA BAHAGIAN VIA, AKTA 613 (KAWAL SELIA DAN PENGAWASAN & AGENSI PENGUATKUASAAN)

- i. Kementerian Kewangan;
- ii. Kementerian Dalam Negeri;
- iii. Kementerian Luar Negeri;
- iv. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- v. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- vi. Jabatan Peguam Negara;
- vii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- viii. Polis Diraja Malaysia;
- ix. Jabatan Imigresen Malaysia;
- x. Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- xi. Pendaftar Pertubuhan;
- xii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- xiii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; dan
- xiv. Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional.

13. TAKRIFAN INSTITUSI PELAPOR (RI) – JADUAL PERTAMA AKTA 613

- i. Aktiviti yang dijalankan oleh bank berlesen, bank pelaburan berlesen, penanggung insurans berlesen yang menjalankan perniagaan hayat, penasihat kewangan yang diluluskan berhubung dengan perniagaan hayat, broker insurans yang diluluskan berhubung dengan perniagaan hayat, pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan dan broker wang yang diluluskan, sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].
- ii. Aktiviti yang dijalankan oleh bank Islam berlesen, bank Islam antarabangsa berlesen, pengendali takaful berlesen yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, pengendali takaful antarabangsa berlesen yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, penasihat kewangan Islam yang diluluskan berhubung dengan perniagaan takaful keluarga; broker takaful yang diluluskan berhubung dengan perniagaan takaful keluarga dan pengeluar instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan yang diluluskan, sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].
- iii. Aktiviti yang dijalankan oleh institusi yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].
- iv. Aktiviti berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam kontrak niaga hadapan; atau pengurusan kumpulan wang, yang dijalankan oleh pemegang lesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].
- v. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731].
- vi. Aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].
- vii. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan pos sebagaimana yang

ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741].

- viii. Aktiviti yang dijalankan oleh rumah perjudian terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289].
- ix. Aktiviti yang dijalankan oleh anggota sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Akauntan 1967 [Akta 94].
- x. Aktiviti yang dijalankan oleh peguam bela dan peguam cara sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166].
- xi. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima masuk sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 [Sabah Bab 2].
- xii. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang diterima masuk sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 [Sarawak Bab 110].
- xiii. Aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai setiausaha sesuatu syarikat menurut seksyen 235 Akta Syarikat 2016 [Akta 777].
- xiv. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384].
- xv. Aktiviti yang dijalankan oleh agensi totalizator sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [Akta 494].
- xvi. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab lumba kuda sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965 [Akta 404].
- xvii. Aktiviti yang dijalankan oleh notari awam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [Akta 115].
- xviii. Aktiviti yang dijalankan oleh syarikat amanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100].

- xix. Aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532].
- xx. Aktiviti yang dijalankan oleh pemberi pinjam wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400].
- xxi. Aktiviti yang berhubungan dengan perniagaan kredit bangunan, perniagaan pembiayaan pembangunan, perniagaan pemfaktoran atau perniagaan pemajakan yang dijalankan oleh syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965 dan perniagaan sebagaimana yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197].
- xxii. Aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81].
- xxiii. Aktiviti yang berhubungan dengan amalan perejean harta tanah yang dijalankan oleh ejen harta tanah berdaftar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242].
- xxiv. Aktiviti urus niaga logam berharga atau batu berharga yang dijalankan oleh syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965 dan perniagaan yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
- xxv. Aktiviti pengendalian suatu pasaran diiktiraf yang dijalankan oleh pengendali pasaran diiktiraf yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- xxvi. (1) Aktiviti yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berhubungan dengan satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (a) Menyediakan simpanan selamat, penstoran, pemegangan atau penjagaan mata wang digital atau token digital bagi akaun orang lain; atau
 - (b) Menyediakan khidmat perantaraan dan nasihat yang berhubungan dengan tawaran atau penjualan mata wang

digital atau token digital.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “mata wang digital” dan “token digital” merujuk kepada mata wang digital dan token digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 [P.U. (A) 12/2019].

14. BORANG BERKAITAN

| UNSCR | TUJUAN | NAMA BORANG | NOMBOR BORANG |
|-------|--------------|---|---------------|
| 1267 | Senarai | <i>Standard Form For Member State Submissions to the Committee For Listing of Individuals.</i> | 1 |
| | | <i>Standard Form For Member State Submissions to the Committee For Listing of Entities.</i> | 2 |
| | Nyah senarai | <i>Standard Form for the Submission of Requests to Remove a Name from the Al-Qaida Sanctions List Maintained by the Security Council Committee Pursuant to Resolutions 1267 (1999) and 1989 (2011) Concerning Al-Qaida and Associated Individuals and Entities.</i> | 3 |
| 1373 | Senarai | <i>Standard Form for Listing of Individuals.</i> | 4 |
| | | <i>Standard Form for Listing of Entities.</i> | 5 |
| | Nyah senarai | <i>Standard form for the submission of requests to remove a Name from the List maintained by the Ministry of Home Affairs pursuant to resolutions 1373 (2001).</i> | 6 |

| UNSCR | TUJUAN | NAMA BORANG | NOMBOR BORANG |
|--------------|---------------|---|----------------------|
| 1988 | Senarai | <i>Standard Form for Member State Submissions to the 1988 Sanctions Committee for Listing Individuals Constituting a Threat to the Peace, Stability and Security of Afghanistan.</i> | 7 |
| | | <i>Standard Form for Member State Submissions to the 1988 Sanctions Committee for Listing Entities Constituting a Threat to the Peace, Stability and Security of Afghanistan.</i> | 8 |
| | Nyah senarai | <i>Standard form for the Submission of a Request to Remove the Name of an Individual or Entity from the List Maintained by the Security Council Sanctions Committee Established Pursuant to Resolution 1988 (2011).</i> | 9 |